



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### AMANAT KPWKM TAHUN 2022

**PUTRAJAYA, 10 Januari** – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyampaikan **Amanat sempena Majlis Perhimpunan Bulanan Kali Pertama bagi tahun 2022** di Dewan Perdana Nur, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

YB Datuk Seri Rina Mohd Harun dalam ucapannya menyatakan penghargaan beliau kepada warga KPWKM yang komited dan tekun dalam melaksanakan tanggungjawab untuk membantu mangsa bencana banjir yang terkesan melalui pelbagai inisiatif kesukarelawan dan bantuan sama ada yang bersifat *tangible* atau *intangible* seperti kaunseling dan lain-lain.

“Sepanjang tahun 2021, **KPWKM** telah menyampaikan bantuan **Bakul Makanan** dan menyelaraskan sumbangan daripada pelbagai pihak bagi memastikan kebajikan kumpulan sasar KPWKM terpelihara. Dengan semangat Keluarga Malaysia, **Skwad Keluarga Malaysia (SKM)** telah diperkenalkan sebagai inisiatif berbentuk pendampingan sosial atau ***social outreach*** dalam misi bantuan kepada kumpulan sasar KPWKM”, ujar YB Datuk Seri Rina semasa ucapan Amanat 2022.

Kementerian terus komited memberikan sokongan emosi dan khidmat kaunseling melalui **Talian Kasih 15999** dan **Talian *Toll-Free Helpline Family***

**Care@LPPKN 1-800-820-300** serta **Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Bergerak.**

Usaha mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi dalam kalangan wanita diteruskan dengan **inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM**. Seiring dengan usaha itu, perjuangan KPWKM dalam **membela kebajikan dan kepentingan wanita tidak pernah terhenti**, buktinya **Rang Undang-Undang Anti Gangguan Seksual** telah dibentangkan di Parlimen untuk bacaan kali pertama pada 15 Disember 2021.

YB Datuk Seri Rina turut mengulas hasil lawatan dan turun padang beliau semasa memantau dan menyantuni mangsa-mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan lokasi banjir, mendapati PPS cukup dengan makanan dan barangan keperluan asas. Selain keperluan disediakan oleh pihak bertanggungjawab seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), ramai pihak turut menyumbang baik daripada NGO, individu mahupun syarikat.

“Justeru saya mencadangkan, sudah tiba masanya untuk **kita memperluaskan lagi penggunaan makanan dengan bungkusan menggunakan teknologi *retort* atau penstrilan. Teknologi *retort* mungkin belum diperluaskan di negara ini**, tetapi ia sudah lama digunakan oleh tentera, ia menjadikan makanan tahan lebih lama, segar dan mudah disediakan. Penggunaan makanan yang dibungkus menggunakan teknologi *retort* lebih sesuai dan praktikal khususnya untuk membekalkan makanan kepada mangsa-mangsa di pusat pemindahan sementara”, tambah YB Datuk Seri Rina lagi.

**Satu Jawatankuasa Khas di peringkat Kementerian yang dipengerusikan sendiri oleh YB Datuk Seri Rina akan ditubuhkan bagi menambahbaik sistem perkhidmatan banjir JKM yang sedia ada seiring dengan cabaran semasa. JKM akan mengintegrasikan semua info di bawah satu aplikasi pintar yang dapat memberi manfaat yang lebih maksimum kepada penggunanya.**

Selain itu, **aplikasi InfoBencanaJKM akan ditambah baik dengan menambah capaian maklumat agar lebih interaktif dan informatif** supaya boleh menjadi rujukan utama rakyat Malaysia seiring dengan peranan dan perkhidmatan JKM kepada kumpulan sasaran dan rakyat Malaysia.

**###**

**Unit Komunikasi Korporat**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

No. 55, Persiaran Perdana,

Presint 4, PUTRAJAYA

10 Januari 2022